



**PENGUMUMAN KEPADA PEMBEKAL PERISIAN PERAKAUNAN ATAU SISTEM “POINT OF SALES” (POS) INGIN MENDAPAT KHIDMAT NASIHAT KEARAH MEMENUHI SPESIFIKASI CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST).**



Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan orang berdaftar di bawah GST mematuhi kehendak perundangan GST dengan menggunakan perisian perakaunan atau Sistem “Point Of Sales” ( POS ). Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan ini menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat pembekal perisian perakaunan atau Sistem POS. Syarikat pembekal yang berminat untuk mendapat khidmat nasihat dan memenuhi syarat-syarat boleh mengemukakan permohonan melalui **Borang A** ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pemohon dikehendaki mengemukakan butiran profil syarikat mereka yang merangkumi pendaftaran syarikat yang sah, struktur organisasi, butiran pengalaman untuk pembekalan yang berkaitan, butiran piawaian teknikal yang diiktiraf dan kualiti perisian perakaunan melalui akreditasi dari badan-badan perakaunan yang diiktiraf.

Pemohon adalah diminta untuk memberi perhatian terhadap perkara di bawah:-

- 1) Syarikat pembekal tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan dalam borang permohonan dan dikehendaki melengkapkan Senarai Semak.
- 2) Borang permohonan (**Borang A**) boleh diperolehi secara manual dari Bahagian GST, JKDM Putrajaya atau boleh dimuat turun dari portal <http://gst.customs.gov.my> (click **BORANG PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KHIDMAT NASIHAT PERISIAN PERAKAUNAN DAN SISTEM “POINT OF SALES” ( POS )**).
- 3) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar bersama dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di dalam Senarai Semak kepada Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Unit Perisian Perakaunan, Cawangan Pengurusan Pembayar Cukai Utama, Bahagian GST, Tingkat 5, Blok A, Menara Tulus, No.22, Persiaran Perdana, Presint 3, 62100 Putrajaya mulai 20 Januari 2015. Hanya Permohonan yang lengkap sahaja akan didaftarkan,
- 4) Setelah permohonan didaftar, pemohon akan diberi “testing data” dan semua data ini perlu dimasukkan ke dalam sistem perisian perakaunan atau sistem POS. Pemohon dikehendaki hadir untuk membuat demonstrasi perisian perakaunan atau sistem POS masing-masing di Ibu Pejabat JKDM mengikut tarikh yang akan ditetapkan dalam Jadual Demonstrasi Perisian Perakaunan atau Sistem POS . Jadual ini disediakan berdasarkan turutan permohonan yang didaftar (FIFO).
- 5) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi JKDM di talian **03-88822822, 03-88822824 atau 03-88822832**.

JKDM adalah tidak terikat untuk menerima kesemua permohonan yang diserahkan. Anda dimaklumkan bahawa penyerahan borang pendaftaran bukanlah jaminan anda akan dijemput untuk menghadiri sesi demonstrasi yang akan ditetapkan pada satu tarikh kelak. JKDM tidak akan menanggung sebarang liabiliti atas kerugian yang ditanggung untuk proses ini.